

CABARAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA KE ATAS SEKOLAH TAHFIZ BERASASKAN WAKAF DI MALAYSIA

LEGAL AND REGULATORY CHALLENGES ON WAQF-BASED TAHFIZ SCHOOLS IN MALAYSIA

Nurul Mazrah Manshor^{1*}

Rohayati Hussin²

Nur Irinah Mohamad Sirat³

Sarirah Che Rose⁴

Farahdina Fazial⁵

¹Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia, (E-mail: mazrah@uitm.edu.my)

²Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia, (E-mail: roha427@uitm.edu.my)

³Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia, (E-mail: irinah@uitm.edu.my)

⁴Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia, (E-mail: sarirah@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Malaysia,

(E-mail: farahdinafazial@uitm.edu.my)

*Corresponding author: mazrah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 18-3-2025

Revised date : 19-3-2025

Accepted date : 6-4-2025

Published date : 25-4-2025

To cite this document:

Manshor, N. M., Hussin, R., Mohamad Sirat, N. I., Che Rose, S., & Fazial, F. (2025). Cabaran perundangan dan kawal selia ke atas sekolah tahfiz berasaskan wakaf di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (72), 196- 218.

Abstrak: Kajian ini mengkaji cabaran perundangan dan kawal selia dalam penubuhan serta pengurusan sekolah tahfiz berasaskan wakaf di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif analitik untuk menilai cabaran perundangan dan kawal selia dalam penubuhan institusi ini. Data utama diperoleh daripada Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri), Enakmen-enakmen Wakaf Negeri, dan Akta Pendidikan 1996, yang menjadi rujukan dalam pentadbiran wakaf. Kajian mendapati terdapat perbezaan ketara dalam undang-undang wakaf di peringkat negeri, yang membawa kepada ketidakseragaman tadbir urus dan ketidakcekapan operasi. Selain itu, kajian mengenal pasti kerumitan birokrasi, kerjasama di antara pihak berkuasa, kewangan, dan kesedaran masyarakat sebagai halangan utama untuk mengoptimumkan potensi wakaf dalam bidang pendidikan. Dengan meneliti analisis perbandingan daripada amalan di Indonesia dan Singapura, beberapa langkah strategik dicadangkan bagi memperkukuh kedudukan sekolah tahfiz berasaskan wakaf. Ini termasuk usaha menyelaraskan undang-undang wakaf di peringkat kebangsaan, menubuhkan entiti khas untuk pembangunan wakaf pendidikan, memperbaiki sistem pendaftaran dan pemantauan sekolah tahfiz, serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai wakaf sebagai sumber pembiayaan pendidikan. Perkongsian strategik antara kerajaan, sektor swasta, dan institusi pendidikan juga perlu diperkukuh bagi memastikan pembangunan sekolah tahfiz berasaskan wakaf lebih sistematik dan mampan. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada wacana pendidikan tahfiz negara dengan

mengemukakan cadangan dasar dan intervensi strategik bagi memperkukuhkan peranan wakaf dalam pembangunan sekolah tahfiz yang mampan dan inklusif.

Kata kunci: *Wakaf, Sekolah Tahfiz, Perundangan, Kawal Selia, Pengurusan Wakaf*

Abstract: *This study examines the legal and regulatory challenges in the establishment and management of waqf-based tahfiz schools in Malaysia. This study uses a qualitative method with a descriptive analytical approach to assess the legal and regulatory challenges in the establishment of these institutions. The main data were obtained from the Federal Constitution (Ninth Schedule, List II, State List), the State Waqf Enactments, and the Education Act 1996, which are the references in waqf administration. The study found that there are significant differences in waqf laws at the state level, which leads to inconsistent governance and operational inefficiencies. In addition, the study identified bureaucratic complexity, cooperation between authorities, finance, and public awareness as major obstacles to optimizing the potential of waqf in the field of education. By examining comparative analysis of practices in Indonesia and Singapore, several strategic measures are proposed to strengthen the position of waqf-based tahfiz schools. These include efforts to harmonize waqf laws at the national level, establishing a special entity for the development of educational waqf, improving the registration and monitoring system of tahfiz schools, and increasing public awareness of waqf as a source of education funding. Strategic partnerships between the government, private sector, and educational institutions also need to be strengthened to ensure the development of waqf-based tahfiz schools is more systematic and sustainable. This study is hoped to contribute to the scholarly discourse on tahfiz education in Malaysia by proposing recommendations and strategic interventions to enhance the role of waqf in fostering the sustainable and inclusive development of tahfiz schools.*

Keywords: *Waqf, Tahfiz Schools, Legislation, Regulation, Waqf Management*

Pengenalan

Sekolah tahfiz memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam di Malaysia, berfungsi sebagai institusi yang mendidik generasi muda untuk menghafaz al-Quran dan memahami ajarannya. Institusi ini bukan sahaja melahirkan hafiz al-Quran, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berteraskan nilai Islam. Salah satu mekanisme penting untuk menyokong pembangunan sekolah tahfiz adalah wakaf. Wakaf, sebagai instrumen ekonomi Islam, membolehkan aset atau dana yang didermakan secara kekal dan digunakan untuk tujuan kebajikan seperti pendidikan (Mohamad Akhir et al., 2019). Amalan wakaf di Malaysia diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan tertakluk kepada undang-undang negeri serta prinsip-prinsip syariah. Namun, terdapat pelbagai cabaran dalam memaksimumkan potensi wakaf untuk menyokong sekolah tahfiz, termasuk aspek perundangan dan pentadbiran. Dari segi perundangan, kekurangan kerangka undang-undang yang jelas dan seragam menyukarkan pengembangan aset wakaf dalam sektor pendidikan, termasuk sekolah tahfiz (Hussin et al., 2024). Ketidakpastian ini membatasi keberkesanan pentadbiran dan menghalang penggunaan aset wakaf secara optimum. Selain itu, kelemahan dalam pengurusan pentadbiran turut memberi kesan, di mana kurangnya sistem pengurusan yang cekap mengakibatkan aset wakaf tidak dimanfaatkan secara berkesan (Zulkifli et al., 2022). Keperluan terhadap peningkatan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran wakaf juga telah dibincangkan, bagi memastikan keyakinan waqif terhadap institusi wakaf dapat diperkukuh (Ayedh et al., 2018). Bagi mengatasi cabaran ini, pendekatan yang lebih sistematik diperlukan, termasuk menerapkan prinsip pengurusan yang lebih baik dan memperkukuh kerjasama dengan pelbagai pihak seperti badan kerajaan dan organisasi bukan kerajaan bagi memastikan keberkesanan sistem wakaf dalam pendidikan (Hussin et al., 2024; Huang & Nordin, 2021; Hakim & Nawawi, 2024; Priyadi et al., 2022).

Penyataan Masalah

Wakaf berpotensi besar sebagai instrumen utama dalam menyokong pembangunan pendidikan Islam di Malaysia. Namun, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai kekangan yang menjejaskan keberkesanannya. Salah satu isu utama ialah ketidakseragaman undang-undang antara negeri, yang menyebabkan perbezaan dalam pengurusan dan pentadbiran wakaf. Setiap negeri mempunyai enakmen wakaf tersendiri, yang tidak selaras dengan negeri lain, menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan projek wakaf. Keadaan ini sering kali menyukarkan pembangunan institusi pendidikan seperti sekolah tahfiz yang memerlukan koordinasi merentas sempadan negeri (Saufi et al., 2021). Tambahan pula, proses kelulusan tanah wakaf kerap kali lambat dan dibelenggu kerenah birokrasi, yang menjejaskan pembinaan sekolah tahfiz serta mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap sistem pentadbiran wakaf. Kajian oleh Kamis et al. (2023) menekankan bahawa kekangan birokrasi dalam sistem pendidikan di Malaysia memberi kesan kepada pembangunan sekolah tahfiz. Sebagai contoh, meskipun kerajaan berusaha mempercepatkan pembangunan institusi pendidikan Islam seperti yang ditunjukkan dalam Majlis Pecah Tanah Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP di Bukit Jalil, isu birokrasi masih menjadi penghalang utama (Malaysia Gazette, 2024).

Selain itu, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan wakaf dalam pendidikan masih rendah. Ramai yang menganggap wakaf hanya terhad kepada pembinaan masjid atau tanah perkuburan, sedangkan potensinya dalam menyokong sektor pendidikan, khususnya institusi tahfiz, adalah sangat besar. Kurangnya kefahaman ini turut menyumbang kepada kurangnya sokongan serta penyertaan masyarakat dalam inisiatif wakaf pendidikan (Jusoh & Mat, 2024).

Institusi tahfiz swasta khususnya berdepan cabaran besar dalam mendapatkan sumber dana yang berterusan, kerana kebanyakan mereka bergantung kepada sumbangan derma spontan yang tidak menentu. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk memenuhi keperluan operasi dan pematuhan perundangan, seperti yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. Keperluan pendaftaran serta pematuhan kepada garis panduan pendidikan yang ketat sering kali menjadi cabaran besar bagi institusi tahfiz yang hanya bergantung kepada dana wakaf dan sumbangan masyarakat (Letchumanan & Rose, 2021).

Gabungan isu-isu ini menunjukkan adanya keperluan untuk menyelaraskan undang-undang wakaf di peringkat kebangsaan, memperbaiki proses pentadbiran, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan wakaf dalam pendidikan, dan memastikan sokongan kewangan yang mampan. Dengan menangani isu-isu ini secara sistematik, potensi wakaf sebagai instrumen utama dalam menyokong institusi pendidikan Islam, terutamanya sekolah tahfiz, dapat direalisasikan sepenuhnya.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam menyediakan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kerangka perundangan dan kawal selia sekolah tahfiz berasaskan wakaf di Malaysia. Secara khusus, kajian ini dapat memberikan panduan kepada pembuat dasar dan pihak berkuasa berkaitan, seperti MAIN, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dalam memperkemas dasar dan peraturan yang berkaitan dengan penubuhan serta pengurusan sekolah tahfiz. Dengan mengenal pasti cabaran utama dari sudut perundangan dan pentadbiran, kajian ini dapat membantu dalam merangka dasar yang lebih menyeluruh dan praktikal bagi memastikan pembangunan sekolah tahfiz berasaskan wakaf dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan mampan (Asni & Sulong, 2016).

Selain itu, kajian ini juga dapat menyumbang kepada literatur akademik dalam bidang undang-undang Islam, pentadbiran wakaf, dan pendidikan Islam dengan memberikan analisis konseptual yang dapat digunakan sebagai asas dalam penyelidikan lanjut. Dari perspektif ekonomi, kajian ini berpotensi menjelaskan bagaimana wakaf dapat berfungsi sebagai mekanisme pembiayaan alternatif bagi sektor pendidikan Islam, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan dan sumbangan individu semata-mata. Tambahan pula, kajian ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang potensi wakaf sebagai instrumen pembangunan pendidikan yang lestari. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap wakaf berada pada tahap tinggi dan terdapat hubungan signifikan antara kefahaman terhadap wakaf dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia (Saufi et al., 2021). Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan utama dalam merangka dasar yang lebih efektif serta memastikan peranan wakaf dalam pembangunan sekolah tahfiz dapat dioptimumkan secara holistik dan berkesan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk deskriptif analitik untuk menilai cabaran perundangan dan kawal selia dalam penubuhan sekolah tahfiz berasaskan wakaf di Malaysia. Data primer diperoleh melalui analisis dokumen utama seperti Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri), Enakmen - enakmen Wakaf Negeri dan Akta Pendidikan 1996, yang memberikan asas perundangan kepada tadbir urus wakaf. Selain itu, data sekunder melibatkan kajian literatur seperti artikel jurnal, laporan penyelidikan, dan dokumen berkaitan pentadbiran wakaf. Data yang

dikumpulkan dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan (*content analysis*), yang membolehkan tema utama dikenal pasti secara mendalam. Pendekatan triangulasi digunakan dengan menggabungkan analisis dokumen, dan literatur sekunder bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan. Metodologi ini membolehkan artikel ini mengemukakan analisis konseptual yang menyeluruh terhadap cabaran dan potensi perundangan serta kawal selia dalam penubuhan sekolah tahfiz berasaskan wakaf di Malaysia.

Kerangka Konseptual dan Perundangan

Wakaf merupakan satu instrumen penting dalam ekonomi Islam yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat melalui pelbagai bentuk kebajikan, termasuk pendidikan. Dalam perspektif Islam, wakaf di definisikan sebagai penahanan harta untuk manfaat awam atau khusus yang berterusan, selaras dengan prinsip syariah. Wakaf mempunyai ciri utama seperti kekekalan, tujuan spesifik dan pemilikan oleh Allah, yang menjadikannya instrumen penting dalam pembangunan masyarakat Islam. Kekekalan bermaksud aset wakaf tidak boleh dipindah milik atau dijual kecuali dalam keadaan tertentu yang dibenarkan oleh syariah (Sulong & Zulkifli, 2022). Ini bertepatan dengan matlamat wakaf untuk memberikan manfaat berterusan kepada masyarakat (Agustianto, 2020). Tujuan spesifik pula merujuk kepada niat pewakaf dalam menentukan penggunaan aset wakaf agar ia mencapai objektif yang dihasratkan (Sabri & Mahamood, 2020). Selain itu, sifat pemilikan oleh Allah menegaskan bahawa harta wakaf tidak boleh dimiliki secara peribadi, sebaliknya dikelola oleh pihak yang diberi amanah, seperti MAIN, bagi memastikan manfaatnya disalurkan kepada masyarakat (Samad et al., 2024). Pengurusan yang berkesan terhadap harta wakaf juga memainkan peranan penting dalam memastikan aset ini terus memberi faedah dalam jangka panjang (Haura et al., 2015). Jika diurus dengan baik berdasarkan prinsip yang jelas, wakaf berpotensi menjadi pemangkin kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial umat Islam (Ghazali & Raffar, 2021; Samad et al., 2024).

Sekolah tahfiz di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pendidikan agama yang berteraskan hafazan al-Quran. Institusi ini bukan sahaja berfungsi untuk melahirkan generasi hafiz al-Quran tetapi juga memupuk nilai-nilai Islam yang kukuh dalam kalangan pelajar. Sebagai salah satu komponen penting dalam pendidikan Islam, sekolah tahfiz menyumbang kepada pembangunan masyarakat dengan menghasilkan individu yang beretika tinggi dan berteraskan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, kebanyakan sekolah tahfiz, khususnya yang beroperasi secara swasta, menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekangan kewangan, infrastruktur yang terhad, dan keperluan untuk mematuhi peraturan perundangan yang berbeza-beza di setiap negeri. Sekolah tahfiz swasta sering berdepan dengan kekangan kewangan yang memberi kesan kepada operasi harian dan kualiti pendidikan yang disediakan, memandangkan mereka bergantung kepada sumbangan yang tidak tetap daripada masyarakat (Ta'at et al., 2021). Selain itu, ketiadaan infrastruktur yang mencukupi turut menyukarkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, sekali gus menjejaskan pengalaman pendidikan pelajar. Cabaran lain yang dihadapi adalah kepelbagaian peraturan perundangan yang berbeza mengikut negeri, yang memerlukan sekolah tahfiz menyesuaikan diri dengan garis panduan yang kadangkala kompleks dan membebankan (Bashori & Putri, 2020). Oleh itu, menangani isu kewangan, membangunkan infrastruktur yang mencukupi, serta memahami dan mematuhi peraturan yang ditetapkan adalah langkah penting bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan sekolah tahfiz dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti (Ismael et al., 2023).

Dari sudut perundangan, wakaf di Malaysia dikawal oleh Perlembagaan Persekutuan di mana ia disenaraikan di bawah Senarai II Jadual Kesembilan yang memberikan kuasa penuh kepada negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan. Setiap negeri mempunyai undang-undang dan garis panduan yang unik dalam mentadbir harta wakaf, yang dilaksanakan oleh MAIN sebagai pemegang amanah tunggal. MAIN bertanggungjawab untuk mendaftarkan, mengurus, dan memantau penggunaan harta wakaf bagi memastikan ia digunakan untuk tujuan yang halal dan memenuhi syariah (Sulong & Zulkifli, 2022). Pengendalian wakaf memerlukan pemahaman mendalam mengenai pengurusan dan syarat-syarat wakaf bagi memastikan manfaatnya dapat disalurkan secara berkesan kepada masyarakat (Hasan & Rajafi, 2018). Selain memastikan kepatuhan kepada syariah, pengawasan yang baik juga mengukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf dan penggunaannya dalam sektor seperti pendidikan dan kebajikan sosial (Muhammad & Sari, 2021).

Selain itu, pematuhan prinsip syariah dalam pengurusan wakaf adalah sangat penting dan menjadi tunjang utama bagi semua aktiviti yang berkaitan. Menurut Johari et al. (2019), niat yang jelas (*niyyah*) dan tujuan yang selari dengan prinsip Islam adalah elemen penting dalam penubuhan wakaf. Wakaf yang ditubuhkan tanpa niat yang jelas mungkin akan menyestatkan tujuan asalnya dan mengakibatkan pemanfaatan aset yang tidak sesuai dengan syariah. Kajian lain juga menggariskan betapa pentingnya pengurusan aset wakaf dalam mematuhi nilai-nilai Islam, di mana pengoperasian sekolah tahfiz harus selaras dengan kurikulum dan pengajaran yang berteraskan prinsip syariah (Baihaqi, 2016). Aspek pentadbiran dan pendidikan dalam sekolah tahfiz yang didirikan melalui wakaf haruslah memperhatikan semua prinsip yang ditetapkan di dalam syariah, dengan penekanan kepada keberkatan yang diperoleh dari pelaksanaan ibadah jariah (Salsabila et al., 2024). Dalam hal ini, pengurusan yang baik serta pematuhan kepada norma dan nilai Islam dapat memastikan bahawa wakaf itu tidak hanya berfungsi sebagai sumber pendidikan tetapi juga sebagai satu amal jariah yang berterusan, memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan (Baihaqi, 2016).

Peranan MAIN sebagai pengawal selia wakaf di setiap negeri memberikan kelebihan dalam menyesuaikan pentadbiran wakaf berdasarkan keperluan dan keadaan tempatan. Namun, ini juga mengakibatkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan wakaf antara negeri, yang terdokumentasi melalui penggubalan enakmen khusus mengenai wakaf di beberapa negeri Sulong & Zulkifli (2022). Ketidakseragaman ini sering menjadi penghalang dalam melaksanakan projek wakaf yang berskala lebih besar, terutama projek yang memerlukan kerjasama di antara negeri-negeri yang berbeza. Contohnya, usaha untuk mendirikan sekolah tahfiz yang melibatkan lebih daripada satu negeri mungkin terjejas disebabkan oleh prosedur pendaftaran dan keperluan yang berbeza-beza di dalam setiap negeri (Samad et al., 2024). Ketidakselarasan ini boleh menyulitkan pengurus wakaf dalam merancang dan melaksanakan projek secara menyeluruh, yang seharusnya dapat mengoptimumkan manfaat pendidikan secara efektif untuk ummah. Oleh itu, walaupun fleksibiliti dalam pengawalan wakaf memberikan ruang untuk penyesuaian, ia turut membawa cabaran yang perlu ditangani melalui usaha untuk menjadikan prosedur dan peraturan lebih selaras di seluruh negeri bagi mengelakkan sebarang kesulitan dalam pelaksanaan projek yang melibatkan wakaf.

Undang-Undang Wakaf Negeri di Malaysia

Setiap negeri di Malaysia mempunyai peruntukan undang-undang tersendiri dalam mengawal selia pentadbiran dan pengurusan wakaf. Ini selaras dengan Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang memberikan kuasa kepada negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hal ehwal Islam, termasuk wakaf. Namun, wujud cabaran

dalam penyelarasan pentadbiran dan pembangunan wakaf secara seragam di peringkat kebangsaan (Fadhlulloh et al., 2021). Pentadbiran wakaf dikawal oleh enakmen negeri yang memberi kuasa kepada MAIN untuk mengurus dan memantau aset wakaf. Walaupun konsep wakaf adalah seragam di seluruh negara, setiap negeri mempunyai peruntukan undang-undang yang berbeza, menyebabkan terdapat variasi dalam pengurusan dan pelaksanaan wakaf. Negeri Selangor, misalnya, mengguna pakai Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (No.15/2015) yang memperincikan struktur pentadbiran, prosedur pendaftaran, serta mekanisme pemantauan aset wakaf oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (MAIS, 2015). Negeri Sembilan pula menguatkuasakan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (No.5/2005) yang menyediakan garis panduan mengenai pembentukan, pentadbiran, dan pelupusan harta wakaf, yang dikuatkuasakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (MAINS, 2005).

Begitu juga, di Melaka, wakaf ditadbir berdasarkan Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No.5/2005) yang menggariskan peranan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam menguruskan harta wakaf secara sistematik, termasuk pemantauan ke atas penggunaan aset wakaf untuk tujuan pendidikan dan kebajikan (MAIM, 2005). Negeri Perak pula mempunyai Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015 (No.9/2015) yang memberikan tumpuan kepada prosedur pendaftaran, pelaburan, serta mekanisme pengurusan aset wakaf yang lebih strategik bagi memastikan keberkesanannya dalam pembangunan sosioekonomi negeri (MAIPk, 2015). Manakala, di Terengganu, Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016 (No.1/2016) telah digubal bagi memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk memastikan pematuhan terhadap prinsip syariah dalam pentadbiran wakaf serta memperkemaskan pengurusan aset wakaf bagi tujuan yang lebih produktif (MAIDAM, 2016).

Di Pahang, Enakmen Wakaf Pahang 2022 telah diperkenalkan bagi memperinci kaedah pentadbiran dan pemantauan wakaf, dengan memberi penekanan kepada keperluan sistem pemantauan kewangan yang lebih ketat bagi mengelakkan sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan aset wakaf (MUIP, 2022). Sementara itu, Sabah mengawal selia pengurusan wakaf melalui Enakmen Wakaf Negeri Sabah 2018, yang memberikan kuasa kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) untuk mentadbir aset wakaf serta menetapkan langkah-langkah perlindungan bagi memastikan wakaf tidak disalahgunakan atau terbengkalai (MUIS, 2018).

Namun, terdapat beberapa negeri yang tidak mempunyai enakmen wakaf khusus tetapi masih mengawal selia pentadbiran wakaf melalui enakmen pentadbiran Islam mereka. Sebagai contoh, Johor menggunakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (No.16/2003) yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) untuk mengurus wakaf di negeri itu (MAINJ, 2003). Kelantan pula mentadbir wakaf di bawah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (No.4/1994) yang menetapkan peranan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam menjaga aset wakaf (MAIK, 1994). Manakala, Sarawak mengguna pakai Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Bab 41) yang memberikan Majlis Islam Sarawak (MIS) kuasa penuh terhadap pengurusan wakaf di negeri itu (MIS, 2001).

Perbezaan dalam perundangan wakaf antara negeri-negeri ini menimbulkan cabaran dalam usaha penyelarasan pentadbiran wakaf di peringkat kebangsaan. Setiap negeri mempunyai prosedur dan keperluan pentadbiran yang berbeza, yang boleh melambatkan kelulusan dan pelaksanaan projek wakaf, termasuk pembinaan sekolah tahfiz berasaskan wakaf. Contohnya, pemohon yang ingin menubuhkan sekolah tahfiz di lebih daripada satu negeri perlu memahami

dan mematuhi undang-undang yang berbeza, yang boleh melambatkan proses pelaksanaan projek mereka. Perbezaan dalam tatacara pengurusan wakaf dan pendidikan antara negeri boleh menambah cabaran, kerana pemohon perlu memastikan pematuhan terhadap pelbagai keperluan perundangan sebelum mendapat kelulusan (Daud & Mubarak, 2020). Kajian menunjukkan bahawa ketidaksamaan dalam peraturan boleh menyebabkan kekeliruan serta kelewatan dalam pelaksanaan projek pendidikan, termasuk sekolah tahfiz (Alias et al., 2020). Keadaan ini turut menyulitkan pihak yang ingin membangunkan institusi pendidikan secara kolaboratif merentasi negeri, kerana setiap lokasi mempunyai prosedur pentadbiran tersendiri yang perlu dipenuhi sebelum projek dapat dimulakan (Mohiddin, 2022). Oleh itu, pemahaman mendalam mengenai syarat dan tatacara di setiap negeri amat penting bagi mempercepatkan proses penubuhan sekolah tahfiz yang melibatkan wakaf, agar semua keperluan perundangan dapat dipenuhi tanpa kelewatan yang tidak perlu (Lenap et al., 2023). Oleh itu, terdapat keperluan untuk memperkenalkan garis panduan atau dasar nasional yang dapat menyelaraskan amalan terbaik dalam pengurusan wakaf di seluruh Malaysia.

Penggunaan dan Pendaftaran Tanah Wakaf di Malaysia

Penggunaan tanah wakaf di Malaysia tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56), yang menetapkan kategori penggunaan tanah seperti pertanian, komersial, atau kediaman. Peruntukan ini memberikan panduan yang jelas bagi pengurusan dan pemanfaatan tanah wakaf, memastikan bahawa tanah tersebut digunakan untuk tujuan yang sesuai dengan keperluan masyarakat serta kepentingan syariah Rizkita & Supriyanto (2020). Proses pemilikan dan penggunaan tanah wakaf perlu mematuhi tatacara pendaftaran yang ditetapkan oleh akta ini, yang bertujuan untuk memastikan hak milik tanah wakaf dapat dipastikan dengan amanah dan jelas (Zain & Aiyub, 2021). Dalam konteks ini, pengawalan penggunaan tanah wakaf oleh pihak berkuasa tempatan adalah penting bagi mengelak sebarang penyalahgunaan dan memastikan kelestarian nilai wakaf (Ghazali et al., 2019). Oleh itu, peraturan penggunaan tanah wakaf dalam Kanun Tanah Negara adalah penting untuk melindungi harta wakaf dan memastikan bahawa ia digunakan dalam cara yang berkualiti dan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan (Harun et al., 2016). Kesedaran tentang kepentingan pematuhan kepada undang-undang ini perlu dipupuk, agar pengurus wakaf dan masyarakat dapat memahami tanggungjawab mereka dalam langkah menjadi amanah dan untuk pembangunan yang berterusan (Adnan et al., 2023).

Sekolah tahfiz yang ingin beroperasi di atas tanah wakaf perlu memastikan tanah tersebut diklasifikasikan sebagai tanah pendidikan atau keagamaan sebelum mendapat kelulusan pihak berkuasa. Proses ini melibatkan permohonan kepada MAIN serta pejabat tanah negeri yang bertanggungjawab dalam perubahan kategori tanah. Walau bagaimanapun, prosedur ini sering mengambil masa yang panjang kerana melibatkan pelbagai peringkat kelulusan dan keperluan dokumentasi yang ketat (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji [JAWHAR], n.d.). Tambahan pula, terdapat kes di mana tanah wakaf yang asalnya diperuntukkan bagi tujuan lain perlu melalui proses perubahan syarat guna tanah sebelum dapat digunakan untuk pembinaan sekolah tahfiz (Ab Ghani et al. 2012).

Pendaftaran tanah wakaf merupakan aspek penting dalam memastikan tanah tersebut kekal sebagai harta wakaf dan tidak terjejas oleh sebarang tuntutan atau perubahan status pemilikan. Menurut Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf yang diterbitkan oleh JAWHAR, semua tanah yang diwakafkan perlu didaftarkan di bawah MAIN bagi memastikan statusnya sebagai wakaf dilindungi daripada sebarang tuntutan pihak ketiga (JAWHAR, n.d.). Walau bagaimanapun, proses pendaftaran ini sering berhadapan dengan cabaran kerana melibatkan

banyak dokumen, termasuk bukti pewakafan, persetujuan pemilik asal serta kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan. Dalam beberapa kes, tanah wakaf masih belum didaftarkan secara rasmi disebabkan isu pertindihan hak milik atau ketiadaan dokumen yang sah, yang boleh menyebabkan kesulitan dalam pembangunan tanah bagi tujuan pendidikan seperti sekolah tahfiz (Fatimah, 2019). Pertindihan hak milik boleh berlaku akibat perbezaan dalam prosedur pendaftaran tanah wakaf di setiap negeri, yang menjejaskan kepastian hak milik dan kelancaran proses pentadbiran (Samad et al., 2024). Selain itu, ketiadaan dokumen wakaf yang lengkap menyukarkan pemohon untuk membuktikan hak penguasaan tanah, sekali gus menghalang usaha membangunkan institusi pendidikan berasaskan wakaf (Setiawan & Wijayanti, 2021). Kajian menunjukkan bahawa ramai pengurus wakaf masih kurang memahami proses pendaftaran yang diperlukan, menyebabkan banyak tanah wakaf kekal tidak berdaftar, yang seterusnya menimbulkan kesulitan dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan (Fauzi & Djumeno, 2021). Oleh itu, satu kerangka kerja yang lebih jelas dan konsisten perlu diwujudkan bagi memastikan tanah wakaf dapat didaftarkan dan dimanfaatkan secara lebih teratur untuk tujuan pendidikan dan sosial (Fatimah, 2019).

Selain itu, institusi tahfiz yang tidak mempunyai kepakaran dalam pengurusan wakaf sering menghadapi kesukaran untuk memenuhi keperluan pentadbiran yang kompleks. Kebanyakan sekolah tahfiz beroperasi secara persendirian dan tidak mempunyai pegawai khas yang menguruskan pendaftaran tanah wakaf mereka, menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan status tanah yang sah untuk pembangunan dan pembiayaan projek. Dalam beberapa keadaan, sekolah tahfiz beroperasi di atas tanah yang belum didaftarkan sebagai wakaf secara rasmi, yang boleh menimbulkan masalah undang-undang jika berlaku pertikaian atau pengambilan tanah oleh kerajaan (Rashid et al., 2015). Tambahan pula, kelemahan dalam sistem pendaftaran tanah boleh memberi kesan kepada kepastian pemilikan serta menimbulkan risiko penyalahgunaan tanah wakaf (Amini, 2023). Oleh itu, kerjasama antara pihak tahfiz dan MAIN amat diperlukan bagi memastikan semua tanah yang digunakan oleh sekolah tahfiz diiktiraf secara sah dan bebas daripada risiko tuntutan pemilikan pada masa hadapan.

Peraturan Pendidikan bagi Sekolah Tahfiz di Malaysia

Dalam konteks pendidikan tahfiz, pematuhan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) adalah penting untuk memastikan bahawa sekolah tahfiz dapat menawarkan pendidikan yang berkualiti dan memenuhi keperluan semasa. Kajian menunjukkan bahawa kurikulum yang dibangunkan oleh pihak sekolah perlu selaras dengan standard kebangsaan yang ditetapkan oleh KPM, termasuk subjek teras seperti Bahasa Melayu, Matematik, dan Sains, yang merupakan keperluan penting untuk memastikan pelajar mendapat pendidikan yang komprehensif Ismail et al. (2017). Di samping itu, kelayakan guru juga adalah faktor utama dalam mencapai standard pendidikan yang baik. Guru yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang diiktiraf dapat menjamin pelaksanaan pengajaran yang berkesan, yang seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar (Adnan et al., 2023). Tanpa guru yang berkelayakan, walaupun kurikulum yang baik tidak akan memberikan hasil yang optimum dalam proses pembelajaran (Ta'at et al., 2021).

Seterusnya, infrastruktur sekolah juga memainkan peranan penting dalam keselamatan dan kesejahteraan pelajar. Sekolah perlu memenuhi standard keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan agar pelajar dapat belajar dalam persekitaran yang selesa dan selamat (Yahaya et al., 2021). Ketidadaan infrastruktur yang mencukupi boleh memberi impak negatif terhadap prestasi akademik dan kesejahteraan mental pelajar, yang perlu diambil kira oleh pengurusan sekolah tahfiz (Yahaya et al., 2023).

Oleh kerana itu, pematuhan kepada Akta Pendidikan 1996 adalah langkah penting untuk menubuhkan dan mengurus sekolah tahfiz yang berkualiti, menjamin bahawa semua aspek pendidikan, pengajaran, dan keselamatan pelajar dapat dilaksanakan dengan berkesan dan bermanfaat kepada masyarakat (Mohamed & Rashidi, 2021; Subekti et al., 2023).

Selain itu, JAKIM berperanan dalam memberikan garis panduan kepada sekolah tahfiz untuk memastikan kurikulum yang diajarkan selari dengan ajaran Islam. JAKIM bekerjasama dengan KPM untuk memastikan sekolah tahfiz dapat memenuhi keperluan pendidikan moden tanpa mengabaikan nilai-nilai Islam. Walaupun peraturan ini penting untuk memastikan kualiti pendidikan, banyak sekolah tahfiz swasta menghadapi kekangan sumber untuk mematuhi keperluan ini (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021).

Kajian mendapati bahawa pengurusan pendidikan di sekolah tahfiz perlu ditambah baik bagi memastikan kualiti pendidikan yang lebih baik dan sejajar dengan sistem pendidikan kebangsaan. Terdapat keperluan untuk memperkasakan peranan pihak berkuasa dalam membantu sekolah tahfiz menyesuaikan kurikulum mereka dengan kehendak pendidikan arus perdana (Abdullah et al., 2021). Selain itu, cabaran seperti kekurangan sumber tenaga pengajar yang berkecukupan dan infrastruktur yang terhad boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran di sekolah tahfiz (Warto & Khairiah, 2022). Oleh itu, usaha kolaboratif antara pihak kerajaan dan pengurusan sekolah tahfiz amat diperlukan untuk memastikan institusi ini dapat berkembang dan memberikan pendidikan berkualiti kepada pelajar.

Tadbir Urus dan Mekanisme Pentadbiran

Pengurusan wakaf di Malaysia memerlukan kerangka tadbir urus yang jelas dan mekanisme pentadbiran yang berkesan untuk memastikan aset wakaf digunakan secara optimum dan mematuhi prinsip syariah. Elemen-elemen ini penting bagi mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan wakaf.

i. Peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

MAIN adalah badan pemegang amanah tunggal bagi semua aset wakaf di setiap negeri di Malaysia. MAIN bertanggungjawab untuk mendaftarkan, mengurus, dan memantau penggunaan aset wakaf agar selaras dengan niat pewakaf dan prinsip syariah. Pengurusan wakaf di Malaysia oleh MAIN adalah penting untuk memastikan bahawa aset wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pengurusan yang sedia ada masih menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kekurangan pemahaman tentang prosedur pengurusan yang boleh mengakibatkan banyak tanah wakaf yang tidak dibangunkan Daud & Mubarak (2019). Kajian menunjukkan bahawa kadar pembangunan tanah wakaf masih rendah, dengan hanya 11% yang dibangunkan (Don, 2019).

Kelulusan projek wakaf, termasuk penubuhan sekolah tahfiz, memerlukan penilaian terperinci bagi memastikan kesesuaian dengan niat pewakaf, pematuhan terhadap dasar tempatan, dan kepatuhan kepada prinsip syariah (Mohamad & Adnan, 2024). Walau bagaimanapun, kelewatan sering berlaku akibat struktur pentadbiran yang kompleks dan kekurangan tenaga kerja berkemahiran dalam pengurusan aset wakaf (Sabri & Mahamood, 2020). Kekurangan ini bukan sahaja melambatkan proses kelulusan tetapi juga menyekat pelaksanaan projek yang berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat (Kamal & Seman, 2017). Kajian menunjukkan bahawa latihan kepada pengurus wakaf dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan projek serta mempercepatkan proses kelulusan (Samad et al., 2024). Tanpa penyelesaian yang lebih berkesan, kelewatan ini boleh menjejaskan penggunaan aset wakaf dan menyebabkan

projek penting seperti sekolah tahfiz tidak dapat direalisasikan dengan baik, meskipun permintaan dalam masyarakat semakin meningkat (Asni & Sulong, 2018).

ii. Ketelusan dan Akauntabiliti

Ketelusan dan akauntabiliti merupakan asas penting dalam pengurusan wakaf. MAIN diwajibkan menyediakan laporan kewangan dan operasi secara berkala untuk memastikan aset wakaf diurus dengan berkesan dan memberikan manfaat kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, cabaran utama dalam mengekalkan ketelusan adalah kekurangan sistem pelaporan yang bersepadu, kelemahan dalam prosedur audit dalaman, dan kurangnya kemahiran dalam pengurusan aset wakaf. Kajian oleh (Ghazali et al., 2021) mendapati bahawa banyak institusi wakaf di Malaysia masih belum memenuhi standard pelaporan yang baik, menghalang usaha menilai keberkesanan penggunaan aset wakaf (Ghazali et al., 2021).

Kekurangan sumber kewangan untuk melaksanakan sistem pelaporan yang mantap dan audit yang berkualiti turut menyumbang kepada masalah ini. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk melaksanakan sistem pengurusan data yang bersepadu, melatih tenaga kerja, dan meningkatkan amalan pelaporan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti terjamin (Ghazali et al., 2021). Kerangka tadbir urus dan mekanisme pentadbiran yang kukuh adalah asas kepada pengurusan wakaf yang mampan. MAIN perlu diperkasakan dengan sistem pengurusan yang lebih cekap dan telus, manakala ketelusan dan akauntabiliti perlu ditingkatkan melalui amalan pelaporan yang berkualiti. Pendekatan ini bukan sahaja akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf tetapi juga memastikan aset wakaf memberikan manfaat maksimum kepada komuniti (Razid et al., 2021).

Cabaran dalam Menubuhkan Sekolah Tahfiz Berasaskan Wakaf

Penubuhan sekolah tahfiz berasaskan wakaf di Malaysia adalah usaha yang penting dalam memperkukuhkan pendidikan Islam, namun ia tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Cabaran-cabaran ini merangkumi aspek perundangan dan birokrasi, kerjasama di antara pihak berkuasa, kewangan, dan kesedaran masyarakat, yang kesemuanya perlu ditangani bagi memastikan sekolah tahfiz dapat berfungsi secara efektif dan mampan.

i. Halangan Perundangan dan Birokrasi

Proses kelulusan projek wakaf sering kali melibatkan birokrasi yang panjang dan prosedur yang rumit. Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang tersendiri berkaitan wakaf, yang ditadbir oleh MAIN. Walaupun ini membolehkan fleksibiliti dalam pengurusan wakaf, ia juga mewujudkan kerumitan apabila terdapat projek yang melibatkan lebih daripada satu negeri. Sebagai contoh, pemohon perlu memahami dan mematuhi peraturan yang berbeza, termasuk keperluan dokumentasi dan pendaftaran aset wakaf (Hussin, 2021). Tambahan pula, ketiadaan kerangka perundangan yang seragam di peringkat nasional menyukarkan pelaksanaan projek wakaf pada skala yang lebih besar. Cabaran ini menjadi lebih ketara apabila projek melibatkan pihak swasta atau kerjasama antara sektor awam dan swasta.

ii. Kerjasama Antara Pihak Berkuasa

Kerjasama antara agensi seperti MAIN, JAKIM, dan Kementerian Pendidikan adalah penting untuk memastikan sekolah tahfiz berasaskan wakaf dapat beroperasi dengan baik. MAIN bertanggungjawab terhadap aset wakaf, manakala JAKIM memberikan panduan berkaitan syariah, dan Kementerian Pendidikan menetapkan standard pendidikan. Namun, perbezaan dalam bidang kuasa dan tanggungjawab antara agensi-agensi ini sering menimbulkan pertindihan fungsi dan kekeliruan dalam pelaksanaan dasar. Sebagai contoh, kelemahan dalam

komunikasi antara agensi boleh menyebabkan projek-projek pendidikan tahfiz terhenti atau ditangguhkan. Kajian oleh Rohana et al. (2024) menunjukkan bahawa kurangnya penyelarasan yang efektif dalam kalangan pihak berkepentingan adalah salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan dalam pelaksanaan projek wakaf untuk pendidikan. Untuk mengatasi cabaran ini, perlu ada pendekatan yang lebih kolaboratif, seperti mewujudkan platform komunikasi yang bersepadu antara agensi-agensi ini.

iii. Kelestarian Kewangan

Kewangan merupakan cabaran utama dalam memastikan kelangsungan sekolah tahfiz berasaskan wakaf. Sebahagian besar sekolah tahfiz swasta bergantung kepada sumbangan individu, badan korporat, dan dana wakaf. Namun, pengurusan dana wakaf memerlukan kepakaran dalam pelaburan dan pengurusan aset untuk memastikan pulangan yang optimum. Ketidadaan kepakaran ini boleh menyebabkan dana tidak diurus dengan baik, seterusnya menjejaskan operasi sekolah tahfiz. Kajian menunjukkan bahawa sekolah tahfiz yang berjaya menggunakan konsep wakaf dan ijarah dapat meningkatkan daya tahan kewangan mereka (Yusof et al., 2022). Sebagai contoh, model pembangunan wakaf yang menggabungkan ijarah (sewa) dapat menjana pendapatan berterusan yang boleh digunakan untuk membiayai operasi sekolah (Yusof et al., 2022). Penggunaan model ini memerlukan perancangan yang rapi dan pemahaman mendalam tentang prinsip syariah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan. Oleh itu, adalah penting bagi pengurus wakaf dan pihak berkisar sekolah tahfiz untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka pada pengurusan serta pelaburan aset, supaya potensi dana wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya (Saputra et al., 2021). Kekurangan sumber kewangan untuk melaksanakan sistem pelaporan yang mantap dan audit yang berkualiti turut menyumbang kepada masalah ini (Saputra et al., 2021). Selain itu, pendekatan bersepadu dan pelbagai sumber pendanaan mungkin diperlukan untuk menyokong kelangsungan operasi sekolah tahfiz di Malaysia (Yusof et al., 2022). Melalui penggabungan pelbagai model pembiayaan, termasuk penggunaan ijarah dan wakaf, institusi pendidikan ini boleh meningkatkan kemandirian kewangan mereka, sekaligus membina daya tahan yang lebih kuat dalam menghadapi cabaran yang mungkin timbul di masa depan (Azizuddin & Azam, 2021).

iv. Kesedaran dan Pemahaman Awam

Tahap kesedaran dan pemahaman mengenai konsep wakaf dalam kalangan masyarakat masih rendah. Ramai yang menganggap wakaf hanya terhad kepada pembinaan masjid atau tanah perkuburan, sedangkan potensinya dalam pendidikan sangat besar. Kurangnya kesedaran ini menyebabkan kurangnya sokongan daripada masyarakat untuk menyumbang kepada projek wakaf pendidikan. (Shiddiqy et al., 2024) menekankan bahawa masyarakat perlu dididik tentang manfaat wakaf dalam menyokong pendidikan Islam. Sebagai contoh, kempen kesedaran awam boleh dijalankan untuk meningkatkan pemahaman mengenai bagaimana wakaf dapat membantu melahirkan generasi hafiz yang berilmu dan berintegriti (Shiddiqy et al., 2024). Pendidikan kepada masyarakat mengenai proses pentadbiran wakaf dan keperluan pematuhan kepada syariah juga penting untuk meningkatkan kepercayaan terhadap institusi wakaf. Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menubuhkan sekolah tahfiz berasaskan wakaf memerlukan pendekatan holistik dan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan. Usaha untuk menyelaraskan undang-undang, memperbaiki koordinasi antara agensi, meningkatkan kemahiran dalam pengurusan kewangan wakaf, dan meningkatkan kesedaran awam adalah langkah-langkah penting yang perlu diambil. Dengan mengatasi cabaran ini, potensi wakaf sebagai mekanisme ekonomi Islam dapat dimaksimumkan untuk menyokong pendidikan tahfiz dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh (Sukmana, 2020; Uula & Kassim, 2023). Sebagai tambahan, kajian menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan wakaf dan ijarah

dapat memperkuat daya tahan kewangan sekolah tahfiz. Model pembangunan wakaf yang menggabungkan sistem sewa dapat menjana pendapatan yang berterusan dan membantu menampung kos operasi institusi pendidikan. Oleh itu, memupuk kesedaran dan memberi pemahaman mendalam tentang konsep wakaf kepada masyarakat dapat menggalakkan sumbangan kepada projek wakaf pendidikan, sekaligus menyokong kelangsungan sekolah tahfiz di Malaysia (Don & Hussin, 2024; Kamarzaman et al., 2024).

Analisis Perbandingan Amalan di Indonesia dan Singapura

Analisis perbandingan mengenai pelaksanaan wakaf dalam pendidikan di negara-negara lain dapat memberikan perspektif berharga untuk memperbaiki dan memperkuat sistem wakaf pendidikan di Malaysia. Negara-negara seperti Indonesia dan Singapura telah melaksanakan pelbagai pendekatan yang inovatif dan efektif dalam pengurusan wakaf, yang boleh dijadikan rujukan. Selain itu, potensi untuk kerjasama serantau membuka ruang untuk mencipta kerangka kerja yang lebih sistematik dan mampan bagi sektor pendidikan Islam.

Indonesia memiliki pengalaman yang luas dalam pengurusan wakaf kerana populasi Muslim yang besar serta sejarah panjang dalam pelaksanaan wakaf. Namun, sistem wakaf di Indonesia telah melalui banyak cabaran yang berkaitan dengan kekurangan piawaian pengurusan, ketidaksejajaran peraturan di peringkat wilayah, dan kelemahan tadbir urus institusi wakaf. Sebagai respons, Badan Wakaf Indonesia (BWI) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan kebangsaan yang bertanggungjawab menyelaraskan usaha-usaha pentadbiran wakaf. BWI memainkan peranan penting dalam menetapkan garis panduan bagi pengurusan aset wakaf dan memberikan sokongan kepada pihak-pihak berkaitan untuk memastikan penggunaan aset wakaf adalah efektif dan sesuai dengan prinsip syariah (Rofiah, 2018).

Dalam konteks pendidikan, beberapa institusi di Indonesia telah memanfaatkan dana wakaf secara signifikan. Universitas Islam Indonesia (UII), sebagai contoh, telah menggunakan dana wakaf untuk membangun infrastruktur pendidikan yang komprehensif, termasuk perpustakaan, pusat penyelidikan, dan kemudahan pengajaran. Kejayaan ini dicapai melalui perancangan strategik yang kukuh, penglibatan pihak berkepentingan, dan pengurusan aset wakaf yang profesional. Contoh ini menunjukkan bahawa dengan pengurusan yang baik, wakaf dapat menjadi instrumen yang berkuasa dalam meningkatkan kualiti pendidikan (Sulthoni, 2024). Menurut kajian oleh (Sulthoni, 2024), wakaf bukan sahaja menyokong pembinaan infrastruktur tetapi juga dapat menjana dana yang berterusan bagi institusi pendidikan. Pendekatan ini mengandungi kelebihan dalam menyediakan sumber kewangan yang stabil dan boleh dikendalikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Namun, kejayaan ini bergantung kepada pemahaman yang mendalam tentang prinsip wakaf dan pengurusan kewangan yang baik. Oleh itu, pempimpinan institusi pendidikan perlu berusaha untuk memperbaiki kemahiran pengurusan dan memahami keperluan pelaburan yang berkesan untuk memastikan dana wakaf digunakan dengan bijak dan menjadi sumber daya berterusan bagi pendidikan. Secara keseluruhannya, penggunaan dana wakaf di institusi pendidikan seperti UII menunjukkan potensi besar yang dimilikinya untuk menyokong pendidikan di Indonesia. Melalui pengurusan yang berkesan dan penggunaan model inovatif, wakaf dapat membantu dalam memajukan pendidikan dan menghasilkan generasi yang berilmu dan berintegriti (Ariffin et al., 2021).

Singapura, walaupun mempunyai populasi Muslim yang minoriti, telah menunjukkan kejayaan luar biasa dalam mengurus wakaf melalui Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Pendekatan MUIS yang mengintegrasikan teknologi moden dan amalan pengurusan profesional telah meningkatkan keberkesanan pengurusan aset wakaf. *Wakaf Information System (WIS)* adalah

platform digital yang membolehkan pendaftaran, pemantauan, dan pelaporan aset wakaf secara telus dan efisien. Sistem ini bukan sahaja meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan wakaf, tetapi juga memastikan aset wakaf digunakan untuk tujuan yang memberikan impak besar, termasuk pendidikan dan kebajikan masyarakat (Rofiah, 2018).

Cadangan

Beberapa langkah strategik dicadangkan bagi memperkukuh kedudukan sekolah tahfiz berasaskan wakaf. Ini termasuk usaha menyelaraskan undang-undang wakaf di peringkat kebangsaan, menubuhkan entiti khas untuk pembangunan wakaf pendidikan, memperbaiki sistem pendaftaran dan pemantauan sekolah tahfiz, serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai wakaf sebagai sumber pembiayaan pendidikan. Perkongsian strategik antara kerajaan, sektor swasta, dan institusi pendidikan juga perlu diperkukuh bagi memastikan pembangunan sekolah tahfiz berasaskan wakaf lebih sistematik dan mampan. Cadangan ini bertujuan mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih cekap serta menggalakkan penglibatan lebih meluas daripada pelbagai pihak. Dengan pelaksanaan langkah-langkah yang dicadangkan, sekolah tahfiz berasaskan wakaf dapat berkembang sebagai institusi yang lebih kukuh dan selari dengan keperluan pendidikan negara.

i. Penyelarasan Undang-Undang Wakaf di Peringkat Kebangsaan

Pengurusan wakaf di Malaysia tertakluk kepada bidang kuasa MAIN berdasarkan Perlembagaan Persekutuan (Jadual Kesembilan, Senarai II). Walaupun peruntukan ini membolehkan setiap negeri melaksanakan dasar wakaf mengikut keperluan tempatan, terdapat ketidaksejagatan dalam perundangan dan prosedur pentadbiran antara negeri. Keadaan ini menimbulkan cabaran kepada pembangunan sekolah tahfiz, terutama dari segi kelulusan tanah wakaf dan penyelarasan pentadbiran. Kajian menunjukkan bahawa kelemahan dalam mekanisme penyelarasan antara negeri telah menyebabkan ketidakseimbangan dalam pembangunan wakaf, khususnya dalam sektor pendidikan (Hidayat et al., 2023).

Bagi mengatasi isu ini, satu garis panduan kebangsaan perlu diperkenalkan bagi memastikan keseragaman dalam aspek pengurusan dan pentadbiran wakaf pendidikan. Kajian oleh Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (2016) mencadangkan standard minimum bagi pengurusan wakaf tanpa menjejaskan autonomi negeri. Model di Turki, yang dikendalikan oleh *Directorate General of Foundations* (DGF), boleh dijadikan rujukan. DGF bertindak sebagai badan pusat yang menyelaraskan pentadbiran wakaf di seluruh negara sambil mengekalkan elemen tempatan (Ramly & Hamsa., 2019). Malaysia boleh mengadaptasi pendekatan ini bagi memperkukuhkan pengurusan wakaf pendidikan agar lebih sistematik dan konsisten. Selain itu, perancangan dan penyelarasan wakaf yang lebih efektif mampu meningkatkan potensi wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi yang mampan dan berdaya saing (Fadhlulloh et al., 2021).

ii. Penubuhan Entiti Khas untuk Pembangunan Wakaf

Bagi mempercepatkan pembangunan tanah wakaf untuk pendidikan, satu entiti khas seperti *Special Property Development Entity* (SPDE) boleh ditubuhkan. Entiti ini berperanan sebagai penghubung antara MAIN, kerajaan, dan pemaju, dengan tanggungjawab menyediakan kepakaran teknikal dan pengurusan bagi memastikan projek wakaf berjalan lancar. Kajian oleh Harahab et al. (2017) menunjukkan bahawa entiti khas seperti ini dapat mengurangkan isu birokrasi dan mempercepatkan kelulusan projek wakaf, terutama yang melibatkan sekolah tahfiz.

Tambahan pula, kajian oleh Budianto dan Fanani (2021) mendapati bahawa model wakaf produktif, yang melibatkan pembangunan aset wakaf untuk kegunaan masyarakat, terbukti meningkatkan keberkesanan pengurusan wakaf. Dalam kes Universitas Airlangga, pengurusan wakaf produktif berjaya membangunkan infrastruktur seperti asrama pelajar berdasarkan konsep wakaf tunai dan manfaat sementara (Budianto & Fanani, 2021). Model seperti ini boleh dijadikan rujukan bagi Malaysia dalam memastikan tanah wakaf dapat dimanfaatkan secara optimum untuk tujuan pendidikan dan sosial.

Selain itu, kajian oleh Jusoh dan Mat (2024) menekankan keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam skim wakaf tunai dan wakaf pembangunan. Penyertaan melalui skim pemotongan gaji dan pelaburan wakaf boleh menjadi satu strategi untuk membiayai pembangunan sekolah tahfiz dan institusi pendidikan Islam secara lestari (Jusoh & Mat, 2024). Oleh itu, entiti khas seperti SPDE bukan sahaja boleh bertindak sebagai penyelaras pembangunan tanah wakaf tetapi juga boleh memainkan peranan dalam menggalakkan penglibatan masyarakat dalam membiayai projek-projek pendidikan berbasis wakaf.

iii. Penambahbaikan Proses Pendaftaran dan Pemantauan Sekolah Tahfiz

Proses pendaftaran dan pemantauan sekolah tahfiz perlu diperbaiki agar lebih sistematik dan selari dengan keperluan semasa. Model pentadbiran yang lebih fleksibel boleh diperkenalkan, di mana sekolah tahfiz diberikan autonomi dalam aspek tertentu tetapi masih tertakluk kepada pemantauan berkala bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan pendidikan dan keselamatan. Kajian oleh Mutalib dan Anas (2020) menunjukkan bahawa pendekatan tahfiz bukan sahaja berfungsi sebagai sistem pendidikan tetapi juga sebagai mekanisme pemulihan sosial bagi membantu remaja kembali kepada nilai-nilai Islam yang lebih kukuh. Oleh itu, pemantauan berkala yang sistematik adalah penting bagi memastikan kualiti pendidikan dan nilai Islam dipelihara.

Selain itu, kelulusan wakaf pendidikan perlu dipercepatkan melalui sistem pemprosesan yang lebih telus. Penubuhan satu pusat sehenti (*one-stop centre*) bagi pemprosesan tanah wakaf untuk pendidikan boleh membantu mengurangkan kerenah birokrasi yang membebankan. Kajian menunjukkan bahawa integrasi sistem maklumat dapat mempercepatkan proses pendaftaran sekolah dan mengurangkan kesilapan teknikal dalam pemprosesan dokumen rasmi (Gumilang & Devi, 2023). Di samping itu, pemantauan dalam talian bagi institusi pendidikan dapat memastikan pematuhan kepada peraturan secara lebih efisien tanpa menjejaskan autonomi sekolah (Listari & Chotijah, 2023). Oleh itu, sistem pemantauan berasaskan teknologi perlu diterapkan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan sekolah tahfiz.

iv. Kempen Kesedaran Masyarakat Mengenai Wakaf Pendidikan

Kesedaran masyarakat tentang potensi wakaf dalam pendidikan masih rendah. Ramai menganggap wakaf hanya berkaitan dengan masjid atau tanah perkuburan, sedangkan ia boleh menjadi sumber pembiayaan utama bagi sekolah tahfiz. Oleh itu, kempen kesedaran melalui media digital, ceramah komuniti, dan forum perbincangan perlu diperluaskan bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan menyumbang kepada wakaf pendidikan (Lampatan, 2022). Kajian oleh Saufi et al. (2021) menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap konsep wakaf berada di tahap tinggi dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepercayaan terhadap institusi wakaf. Ini membuktikan bahawa usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat boleh memberi impak positif kepada pembangunan institusi wakaf pendidikan.

Sebagai tambahan, pusat informasi wakaf boleh diwujudkan bagi menyediakan maklumat lengkap kepada masyarakat mengenai projek wakaf yang sedang dijalankan, kaedah sumbangan, serta manfaat jangka panjang wakaf dalam pembangunan pendidikan Islam. Dengan adanya pusat ini, kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf dapat dipertingkatkan. Kajian oleh Jusoh dan Mat (2024) mendapati bahawa faktor-faktor seperti pengetahuan, kepercayaan, norma subjektif, dan tahap keagamaan mempengaruhi niat individu untuk menyumbang kepada wakaf tunai melalui skim pemotongan gaji. Oleh itu, penyebaran maklumat yang jelas mengenai manfaat wakaf pendidikan boleh membantu meningkatkan penyertaan masyarakat dalam program wakaf.

Selain itu, kajian oleh Afdal et al. (2023) menekankan bahawa sosialisasi secara langsung di peringkat komuniti, terutama dalam kalangan pelajar sekolah dan ibu bapa, adalah penting untuk memastikan masyarakat memahami kepentingan wakaf dalam sektor pendidikan. Kajian ini juga menyarankan agar institusi wakaf bekerjasama dengan universiti dan institusi pendidikan tinggi untuk menjalankan program pendidikan wakaf yang lebih sistematik.

v. Pengukuhan Kerjasama Awam-Swasta dalam Pembangunan Sekolah Tahfiz

Kerjasama antara sektor awam dan swasta perlu diperluaskan bagi meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz. *Public-Private Partnership* (PPP) boleh dijadikan salah satu model bagi membolehkan sektor korporat menyumbang dari segi infrastruktur, pembiayaan, dan kepakaran pengurusan. Contohnya, syarikat swasta boleh menaja pembangunan sekolah tahfiz melalui wakaf tunai atau sukuk wakaf sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR). Kajian oleh Astuti (2022) menunjukkan bahawa model *Build-Operate-Transfer* (BOT) dalam sistem PPP dapat membantu memastikan pelaksanaan projek infrastruktur berjalan lancar, dengan perkongsian risiko yang lebih adil antara kerajaan dan sektor swasta.

Dengan pendekatan yang lebih menyeluruh, sekolah tahfiz berasaskan wakaf dapat berkembang sebagai institusi pendidikan Islam yang lebih stabil, berdaya saing, dan relevan dalam sistem pendidikan negara. Kajian oleh Mokhtar dan Saidin (2024) menyarankan bahawa penglibatan sektor swasta dalam pembangunan sektor pendidikan boleh menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan warisan pendidikan Islam di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga menekankan perlunya rangka kerja perundangan yang lebih kukuh dalam memastikan projek wakaf pendidikan mendapat perlindungan undang-undang yang mencukupi.

Tambahan pula, Letchumanan dan Rose (2021) mendapati bahawa kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam program pendidikan memerlukan pengurusan kewangan yang lebih sistematik serta sokongan berterusan daripada agensi kerajaan bagi memastikan kesinambungan jangka panjang projek-projek pendidikan Islam. Oleh itu, satu mekanisme kawal selia yang lebih baik perlu diwujudkan bagi memastikan penyertaan sektor swasta dalam pendidikan tahfiz dapat dilakukan secara telus, berstruktur, dan efektif.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini menegaskan bahawa undang-undang dan kawal selia sekolah tahfiz berasaskan wakaf memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada institusi ini berfungsi sebagai pemudah cara atau menjadi penghalang kepada pembangunan pendidikan Islam di Malaysia. Ketidakteraturan perundangan antara negeri, kekangan birokrasi, kekurangan tenaga pengurusan yang berkemahiran, serta tahap kesedaran awam yang rendah merupakan cabaran utama yang membatasi potensi wakaf dalam menyokong institusi pendidikan Islam. Walaupun peraturan sedia ada bertujuan memastikan sekolah tahfiz

memenuhi piawaian pendidikan dan keselamatan, kebergantungan kepada prosedur pentadbiran yang kompleks serta perbezaan dasar antara negeri sering mengakibatkan kelewatan dalam pelaksanaan projek wakaf. Oleh itu, reformasi perundangan yang menyelaraskan pentadbiran wakaf secara lebih sistematik perlu dipertimbangkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan serta memastikan keseragaman kawal selia di seluruh negara. Selain itu, pembangunan kapasiti dalam kalangan pentadbir wakaf melalui latihan profesional dan pensijilan dapat memperkukuh kompetensi dalam aspek teknikal, perundangan, dan kewangan, yang seterusnya meningkatkan ketelusan serta kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf. Pada masa yang sama, peningkatan kesedaran awam melalui inisiatif pendidikan dan kempen maklumat boleh menggalakkan penyertaan masyarakat dalam wakaf pendidikan, sekali gus memperkasakan peranan sekolah tahfiz sebagai institusi yang mampan. Sehubungan itu, penyelidikan dan pembangunan dasar yang berterusan, termasuk kajian terhadap model pengurusan wakaf yang lebih sistematik serta penggunaan teknologi moden, perlu diteruskan bagi memastikan wakaf dapat dimanfaatkan secara optimum dalam pembangunan pendidikan Islam. Dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersandarkan kerangka perundangan yang lebih tersusun, wakaf berpotensi menjadi instrumen utama dalam memperkukuh pendidikan Islam di Malaysia serta memastikan kesinambungan dan keberkesanan sekolah tahfiz dalam ekosistem pendidikan negara.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Negeri, UiTM Cawangan Kedah, di atas pembiayaan yang diberikan di bawah Tabung Penyelidikan Am. Sokongan ini sangat penting dalam melancarkan penyelidikan dan memastikan kejayaan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Ab Ghani, S., Mohamed, H. A. B., Mohamad, M. H., & Abd Ghani, B. (2012). Isu pendaftaran tanah wakaf dan Kanun Tanah Negara 1965. *Jurnal Intelek*, 7(1), 38–45.
- Abdullah, N. H. L., Jamil, S. F. M., Mukthar, M. I., Mohamed, M., & Paimin, A. N. (2021). Persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pendidikan khas di Malaysia. *Sains Insani*. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.260>
- Adnan, I., Nasir, K., & Halim, I. (2023). Perkembangan pusat pengajian tahfiz swasta pasca pandemik COVID-19 di Malaysia: Kesan dan persepsi masyarakat. *Qiraat: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 6(2), 61–72. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i2.66>
- Afdal, A., Ubang, D., Yani, A., Nugroho, T., & Aldi, A. (2023). Sosialisasi pentingnya melanjutkan pendidikan bagi masyarakat Apaokayan daerah perbatasan Indonesia dan Malaysia. *Bubungan Tinggi: Jurnal Pengabdian Masyarakat*. <https://doi.org/10.20527/btjpm.v5i2.8068>
- Agustianto, M. (2020). Wakaf sebagai strategi pemberdayaan ekonomi masyarakat. *El-Qist: Journal of Islamic Economics and Business (JIEB)*, 9(2), 143–163. <https://doi.org/10.15642/elqist.2019.9.2.143-163>
- Alias, B., Hamid, M., Sayin, B., Rani, M., & Bhari, A. (2020). Wakaf pendidikan tinggi sebagai sumber penajaan dana dalam kerangka ekonomi Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 4(1), 17–28. <https://doi.org/10.24191/jcis.v4i1.17>
- Amini, S. (2023). Pentingnya pendaftaran tanah: Perspektif teori kepastian hukum. *Jurnal Hukum dan Kenotariatan*, 6(3). <https://doi.org/10.33474/hukeno.v6i3.17712>
- Ariffin, M., Yahaya, M., Mohamad, A., & Yusoff, A. (2021). Wakaf sebagai dana alternatif untuk pembiayaan pendidikan peringkat sekolah di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(2). <https://doi.org/10.26475/jcil.2021.6.2.11>

- Asni, M. and Sulong, J. (2018). Penyeragaman fatwa berhubung isu-isu wakaf di malaysia: satu sorotan awal. 128-110, (1)9, مجلة إدارة و بحوث الفتاوى, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.42>
- Asni, M., & Sulong, J. (2016). Fatwa berhubung wasiat wajibah dan keseragaman peruntukannya dalam fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 5(1), 1-15.
- Astuti, C. S. (2022). Analisis kerjasama Build-Operate-Transfer (BOT) pemerintah dengan badan usaha dalam pembangunan infrastruktur di Indonesia. *Kertha Semaya: Journal Ilmu Hukum*. <https://doi.org/10.24843/ks.2022.v10.i08.p09>
- Ayedh, A., Echchabi, A., & Ihsan, H. (2018). Waqf accountability in the Republic of Yemen: An empirical analysis. *QIIS (Qudus International Journal of Islamic Studies)*, 6(2), 161. <https://doi.org/10.21043/qijis.v6i2.4030>
- Azizuddin, I., & Azam, I. (2021). Productive waqf development through ijarah contracts in religious education institutions in Jombang, East Java. *Jurnal Ekonomi Syariah Teori dan Terapan*, 8(6), 757–770. <https://doi.org/10.20473/vol8iss20216pp757-770>
- Azmi, A. S. M., Hanif, N. R., & Mahamood, S. M. (2017). Revitalising the development of waqf properties: A way forward. *International Journal of Real Estate Studies*, 11(3), 1–11.
- Baihaqi, W. (2016). Ekonomi Islam dalam kajian fiqh kontemporer: Studi awal tentang jaminan fidusia. *Islamiconomic: Jurnal Ekonomi Islam*, 7(2). <https://doi.org/10.32678/ije.v7i2.43>
- Bashori, B., & Putri, S. (2020). Analisis peraturan Bupati Solok tentang penyelenggaraan pendidikan sekolah menengah pertama berbasis Islami. *Produ Prokurasi Edukasi: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 1(2). <https://doi.org/10.15548/p-prokurasi.v1i2.3327>
- Budianto, A., & Fanani, S. (2021). Dampak wakaf produktif dalam pembangunan infrastruktur Griya Khadijah PUSPAS Universitas Airlangga. *Jurnal Syariah*, 8(2), 231–242. <https://doi.org/10.20473/VOL8ISS20212PP231-242>
- Daud, M., & Mubarak, M. (2019). Amalan pengurusan wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 13, 65–75. <https://doi.org/10.51200/ljms.v13i.2534>
- Daud, M., & Mubarak, M. (2020). Perancangan dan pengorganisasian dalam pengurusan wakaf: Amalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS). *Journal of Techno Social*, 12(1). <https://doi.org/10.30880/jts.2020.12.01.008>
- Don, M. (2019). Aplikasi model teori al-wilayah: cadangan penyelesaian konflik perundangan wakaf di malaysia. 30-15, مجلة إدارة و بحوث الفتاوى, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol16no2.2>
- Don, M., & Hussin, R. (2024). Waqf model: Al-Azhar University forever. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(2). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i2/20899>
- Fadhlulloh, A. A., Hayatudin, A., & Anshori, A. (2021). Analisis fikih wakaf dan Undang-Undang No. 41 Tahun 2004 terhadap unsur wakif pada implementasi aset wakaf di Rumah Sakit Salman ITB. *Jurnal Syariah*, 6(2), 242–244. <https://doi.org/10.29313/SYARIAH.V0I0.27969>
- Fatimah, F. (2019). Pendaftaran tanah wakaf dalam konteks kepastian hukum hak atas tanah. *Jurnal Hukum Samudra Keadilan*, 13(2), 286–294. <https://doi.org/10.33059/jhsk.v13i2.908>
- Fauzi, F., & Djumeno, L. (2021). Hak guna bangunan di atas tanah wakaf sebagai terobosan baru pemberdayaan tanah wakaf secara produktif. *Al-Awqaf: Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam*, 14(1), 1–16. <https://doi.org/10.47411/al-awqaf.v14i1.103>

- Ghazali, A., Mohamad, A., Ibrahim, F., Din, N., Warif, N., Harun, D., & Ishak, I. (2019). Determination of level of heavy metals, Al-Quran memorization and intelligence quotient (IQ) among Tahfiz students in Selangor. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 17(2), 135–146. <https://doi.org/10.17576/jskm-2019-1702-16>
- Ghazali, N., Sipan, I., Mohammad, M., & Aziz, M. (2021). New framework for the management of waqf land registration system in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 14(3), 625–640. <https://doi.org/10.1108/imefm-04-2019-0172>
- Ghazali, S., & Raffar, I. (2021). Kepelbagaian bentuk wakaf hak maknawi ke arah pembangunan ummah. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 3(1), 27–36. https://doi.org/10.24191/jipsf/v3n12021_27-36
- Gumilang, A., & Devi, P. (2023). Pembangunan aplikasi pendaftaran praktikum berbasis web laboratorium prodi teknik informatika. *Jurnal Nasional Komputasi dan Teknologi Informasi*, 6(2). <https://doi.org/10.32672/jnkti.v6i2.5914>
- Hakim, L., & Nawawi, K. (2024). Finding solutions to productive waqf management problems: A case in Indonesia. *International Journal of Waqf*, 4(1). <https://doi.org/10.58968/ijw.v4i1.508>
- Hamid, R., & Ismail, D. (2020). Penglibatan pelajar universiti dalam membangunkan kemahiran pemikiran kreatif melalui aktiviti kerja berpasukan. *The International Journal of Management*, 27(2). <https://doi.org/10.32890/IJMS.27.2.2020.9460>
- Harun, F., Possumah, B., Shafiai, M., & Nor, A. (2016). Issues and economic role of waqf in higher education: Malaysian experience. *Al-Iqtishad: Journal of Islamic Economics*, 8(1). <https://doi.org/10.15408/aiq.v8i1.2514>
- Hasan, S., & Rajafi, A. (2018). Pengelolaan tanah wakaf masjid di Kota Manado. *Aqlam: Journal of Islam and Plurality*, 3(2). <https://doi.org/10.30984/ajip.v3i2.726>
- Haura, A., Baga, L., & Tanjung, H. (2015). Analisis pengelolaan wakaf uang pada koperasi jasa keuangan syariah (Pendekatan Analytical Network Process). *Al-Muzara'ah*, 3(2), 89–105. <https://doi.org/10.29244/jam.3.2.89-105>
- Hidayat, A., Firmanul, R., Hakim, A., Taufiqulloh, Z., & Syarifah, S. (2023). Manajemen wakaf dalam perspektif hukum Islam dan Undang-Undang No. 41 Tahun 2004. *Filantropi: Jurnal Manajemen Zakat dan Wakaf*, 4(1). <https://doi.org/10.22515/finalmazawa.v4i1.8029>
- Huang, N., & Nordin, S. (2021). A comparative study of blockchain framework for waqf management system. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i12/11979>
- Hussin, R. (2021). An overview of the regulatory framework for waqf implementation in higher educational institutions in Malaysia. *Journal of Legal, Ethical & Regulatory Issues*, 24(1), 1.
- Hussin, R., Ghazali, A., & Akhir, N. (2024). Waqf land development for private tahfiz schools in the state of Perlis, Malaysia: Procedures and advantages. *UUM Journal of Legal Studies*, 15(1), 149–170. <https://doi.org/10.32890/uumjls2024.15.1.7>
- Ismael, I., Muazza, M., & Sulistiyo, U. (2023). Program unggulan sekolah berbasis Islam: Analisis manajemen program tahfiz Qur'an untuk ketercapaian target hafalan. *Fitrah: Journal of Islamic Education*, 4(2), 272–285. <https://doi.org/10.53802/fitrah.v4i2.447>
- Ismail, M., Mohamad, S., Puji, T., & Yusof, N. (2017). Strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur [Strategy of tahfiz al-Quran excellence in Malaysia: A literature survey]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 51–60. <https://doi.org/10.37231/jimk.2017.15.1.220>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Garis panduan penubuhan dan pendaftaran institut tahfiz*. <https://www.islam.gov.my>

- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (n.d.). *Manual pengurusan peletakhakan tanah wakaf*. <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/ManualPengurusan/wakaf/PerletakhakanTanahWakaf.pdf>
- Johari, F., Ismail, W., Saleh, M., Misbah, H., Baharuddin, A., & Razak, N. (2019). Penerokaan konsep al-tawriq dalam pencairan aset wakaf. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 198–214. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.179>
- Jusoh, R., & Mat, H. (2024). Faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 14(1). <https://doi.org/10.53840/jmm.v14i1.190>
- Kader, S. Z. S. A. (2016). Kerangka undang-undang pengurusan wakaf di Malaysia: Ke arah keseragaman undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 28(1), 102–127.
- Kader, S. Z. S. A., & Mohamed, N. A. (2014). Legal framework for management of waqf land in Malaysia. *Shariah Law Reports*, 4(1).
- Kamal, A., & Seman, A. (2017). Pembiayaan wakaf di majlis agama Islam negeri terpilih: Potensi pelaksanaan di peringkat institusi pengajian tinggi. *Tafhim: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 10(1), 151–185. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol10no1.5>
- Kamarzaman, N., Ahmad, A., & Muda, M. (2024). Leveraging waqf to address financing constraints in technical and vocational education and training (TVET) research and innovation. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i4/23285>
- Kamis, N. S., Isa, M. M., & Md Noor, N. S. (2023). Sorotan literatur sistematik: Kekangan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di Malaysia. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v7i2.157>
- Lampatan, S., & Mahaini, M. G. (2022). Level of waqf awareness among the people of Bangsamoro, Philippines. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5, 113–125.
- Lenap, I., Karim, N., & Sasanti, E. (2023). Implementasi shariah governance berbasis waqf core principles pada badan wakaf Indonesia perwakilan provinsi NTB. *Jurnal Aplikasi Akuntansi*, 7(2), 205–217. <https://doi.org/10.29303/jaa.v7i2.193>
- Letchumanan, K., & Rose, R. A. C. (2021). Cabaran dan isu yang dihadapi dalam pelaksanaan program Sekolah Lestari di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. <https://doi.org/10.17576/GEO-2021-1701-18>
- Listari, L. M., & Chotijah, U. (2023). Sistem informasi penerimaan peserta didik baru berbasis website. *Jurnal Nasional Komputasi dan Teknologi Informasi (JNKTI)*. <https://doi.org/10.32672/jnkti.v6i3.6115>
- Mahamood, S. M. (2016). Wakaf pendidikan tinggi menurut perspektif undang-undang & model pelaksanaannya di Malaysia. *Persidangan Wakaf Pendidikan Tinggi 2016*, 30–31 Mac 2016, IKAZ UiTM.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (1994). *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994*. <https://www.e-maik.my/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK). (2015). *Enakmen Wakaf (Negeri Perak) 2015*. <https://www.maiamp.gov.my/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). (2016). *Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016*. <https://www.maidam.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). (2005). *Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005*. <https://www.maim.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). (2003). *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003*. <https://www.maij.gov.my/>

- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). (2005). *Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005*. <https://www.mains.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). *Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015*. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2021/11/ENAKMEN-WAKAF-NEGERI-SELANGOR-2015.pdf>
- Majlis Islam Sarawak (MIS). (2001). *Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001*. <https://www.mis.sarawak.gov.my/>
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). (2022). *Enakmen Wakaf Pahang 2022*. <https://muip.gov.my/>
- Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). (2018). *Enakmen Wakaf Negeri Sabah 2018*. <https://www.muis.gov.my/>
- Malaysia Gazette. (2024, September 26). Anwar pecah tanah Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz MAIWP. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com>
- Mohamad Akhir, N. S., Abdullah, S. R., Mohammed Ghazali, A., Mohd Yusof, A. S., & Hussin, R. (2019). Integrasi wakaf dan ijarah: Alternatif dalam kelestarian sekolah tahfiz swasta di Malaysia. *Journal of Zakat and Waqf*, 2(2), 163–172.
- Mohamad, M., & Adnan, A. (2024). Pelaksanaan pembangunan tanah-tanah wakaf di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *'Abqari Journal*, 30(1), 96–115. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol30no1.575>
- Mohamed, M., & Rashidi, A. (2021). Pengukuhan hafazan pelajar melalui modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan Al-Quran): Satu pendekatan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(S1), 96–100. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(s1\).6239](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(s1).6239)
- Mohiddin, H. (2022). Model integrasi wakaf pengajian tinggi di Brunei Darussalam. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(1), 17–40. <https://doi.org/10.53840/ijiefer66>
- Mokhtar, N. A. M., & Saidin, M. (2024). Perkembangan, cabaran dan sumbangan arkeologi awam di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.2>
- Muhammad, R., & Sari, A. (2021). Tantangan optimalisasi pengelolaan dan akuntabilitas wakaf (Studi kasus di Propinsi Daerah Istimewa Yogyakarta). *Jati Jurnal Akuntansi Terapan Indonesia*, 4(1), 79–94. <https://doi.org/10.18196/jati.v4i1.9805>
- Mutalib, M. G. F. A., & Anas, N. (2020). Pemulihan akhlak remaja melalui pendekatan tahfiz di Malaysia: Tinjauan awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 489. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.2.489>
- Priyadi, U., Achiria, S., Imron, M., & Zandi, G. (2022). Waqf management and accountability: Waqf land financing models for economic well-being. *Asian Economic and Financial Review*, 13(1), 74–84. <https://doi.org/10.55493/5002.v13i1.4696>
- Ramly, A. R., & Hamsa, A. (2023). Public preference for micro waqf banks: An effort to increase community business. *Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam (Journal of Islamic Economics and Business)*, 9(2), 250–269. <https://doi.org/10.20473/jebis.v9i2.32973>
- Rashid, R. A., Hussin, R., & Yaakub, N. I. (2015). Pendaftaran tanah wakaf dari perspektif perundangan. *Muktamar Waqf Iklimi II*.
- Razid, R., Ibrahim, A., Jamaluddin, M., & Gining, R. (2021). My-wakaf: A waqf of property management application. *Journal of Computing Research and Innovation*, 6(2), 128–141. <https://doi.org/10.24191/jcrinn.v6i2.213>
- Rizkita, K., & Supriyanto, A. (2020). Komparasi kepemimpinan pendidikan di Indonesia dan Malaysia dalam upaya peningkatan mutu pendidikan. *Jurnal Akuntabilitas Manajemen Pendidikan*, 8(2), 155–164. <https://doi.org/10.21831/jamp.v8i2.32362>

- Rofiah, A. (2018). Regulations and management of waqf institutions in Indonesia and Singapore: A comparative study. *Proceedings of the 2nd International Conference on Islamic Economics, Business, and Philanthropy (ICIEBP)*. Retrieved from <https://www.neliti.com>
- Rohana, N. A. M., Rameli, M. F. P., Surtahman, A. W., Razak, A. Q. A., Halim, F. H., & Amin, S. M. (2024). Waqf for education in Malaysia: Historical implementation, types, and significance. *Global Business and Management Research*, 16(2S), 135–150.
- Sabri, H., & Mahamood, S. (2020). Signifikasi konsep istibdal dalam sistem pengurusan wakaf: Analisis dari perspektif fiqh dan undang-undang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 19(1), 15–24. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol19no1.2>
- Salsabila, A., Yasin, A., & Mustofa, I. (2024). Implikasi tindakan sosial dalam pengelolaan zakat: Perspektif hukum ekonomi syariah. *Muamalah*, 10(1), 1–15. <https://doi.org/10.19109/muamalah.v10i1.23158>
- Samad, S., Abdullah, S., & Noordin, K. (2024). Benefisiari wakaf ahli menurut perspektif syariah dan perundangannya di malaysia: kajian di 5 buah majlis agama islam negeri (main) terpilih. 107-88, (1)29, مجلة إدارة و بحوث الفتاوى. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.513>
- Saputra, D., Arsyianti, L., & Saptono, I. (2021). Development strategy of Islamic boarding schools-based waqf (Case study: Islamic boarding schools of Daarut Tauhiid, Bandung). *Journal of Consumer Sciences*, 6(2), 129–150. <https://doi.org/10.29244/jcs.6.2.129-149>
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap pengurusan wakaf di Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i2.24>
- Setiawan, A., & Wijayanti, S. (2021). Pemanfaatan tanah wakaf untuk budidaya sayuran di masa pandemi COVID-19. *Community Empowerment*, 6(2), 258–266. <https://doi.org/10.31603/ce.4467>
- Shiddiqy, M., Makhrus, M., & Wibowo, M. (2024). Cash waqf management for education: Challenges, solutions, and strategies. *Shirkah Journal of Economics and Business*, 9(2), 275–289. <https://doi.org/10.22515/shirkah.v9i2.723>
- Subekti, N., Syah, M., Jariono, G., Kartikasari, E., Pramudya, R., Bahri, A., & Kuswanty, N. (2023). Peningkatan motivasi belajar melalui program pendampingan pembelajaran bagi siswa Sanggar Belajar PPWNI Klang Malaysia. *Warta LPM*, 26(3), 235–244. <https://doi.org/10.23917/warta.v26i3.1613>
- Sukmana, R. (2020). Critical assessment of Islamic endowment funds (waqf) literature: Lessons for government and future directions. *Heliyon*, 6(10), e05074. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2020.e05074>
- Sulong, J., & Zulkifli, M. (2022). Pembangunan wakaf dhurri: Penubuhan syarikat keluarga ke arah kelestarian sumber ekonomi. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1). <https://doi.org/10.26475/jcil.2022.7.1.03>
- Sulthoni, M. (2024). Perbedaan pemanfaatan dana wakaf di Universitas Harvard dan Oxford dengan pemanfaatan wakaf di pesantren Indonesia. *Ziswaf*, 2(2), 134–147. <https://doi.org/10.69948/ziswaf.31>